bergantung sepenuhnya kepada guru untuk menjamin kejayaan anak-anak mereka dalam pendidikan.

- Bagi masyarakat pula, mereka juga mempunyai tanggungjawab terhadap pendidikan anggota masyarakatnya. Dalam hal ini, peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat adalah dengan memberi sokongan moral dan material kepada anggotanya yang terlibat dalam dunia pendidikan, khususnya pelajar.
- Tanggungjawab ilmuwan/ulama juga sangat diperlukan demi memastikan kejayaan sektor pendidikan. Hal ini kerana, mereka dikenal pasti sebagai golongan yang mempunyai ilmu. Oleh itu, mereka hendaklah menyebarkan ilmu pengetahuan yang mereka ada untuk pembangunan anggota masyarakatnya.
- Golongan pemerintah juga mempunyai tanggungjawabnya yang tersendiri dalam menjayakan sektor pendidikan. Pemerintah sewajarnya menyediakan peluang pendidikan kepada penduduknya dari tahap yang paling rendah hingga ke tahap yang paling tinggi. Ini termasuk menubuhkan lebih banyak institusi pengajian tinggi (IPT) bagi menjamin tempat yang mencukupi kepada lepasan-lepasan sekolah yang mendapat kelulusan cemerlang.

**Soalan 5**

- Malaysia adalah sebuah negara yang tidak meminggirkan pendidikan agama. Ini terbukti menerusi usaha kerajaan menyediakan pendidikan Islam sejak peringkat sekolah rendah, menengah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi.
- Pada peringkat sekolah rendah, kerajaan melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah memberi ruang perubahan yang banyak kepada Pendidikan Islam, khasnya perubahan dari segi tujuan isi kurikulum dan juga pertambahan masa pembelajarannya dari 120 minit seminggu kepada 180 minit seminggu.
- Pendidikan Islam menerusi pelaksanaan KBSR bertujuan untuk membolehkan murid-murid membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul serta boleh menghafal dan memahami erti surah-surah yang mudah, meyakinkan murid-murid terhadap kewujudan Allah SWT dan sifat-sifat serta kekuasaan Allah SWT dan mencintai-Nya, menanamkan rasa cinta murid-murid terhadap Rasulullah SAW dan mencontohi hidup dan sifat-sifat Baginda dan membiasakan murid-murid melakukan ibadat solat dan melakukan amalan yang berasaskan agama Islam dan berperibadi Muslim dan Mukmin.
- Pada peringkat sekolah menengah pula, mata pelajaran Pendidikan Islam mula diajar secara formal di sekolah menengah pada tahun 1962. Kurikulum Pendidikan Islam pada tahap ini dibentuk berasaskan keperluan dan matlamat untuk memberi pengetahuan mengenai agama Islam kepada pelajar.
- Akta Pelajaran 1961, Seksyen 36(1) telah menentukan bahawa pendidikan agama Islam hendaklah diberikan kepada murid-murid Islam sekiranya terdapat 15 orang ataupun lebih di sesebuah sekolah. Oleh sebab mutu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah kurang berkesan dan lebih tertumpu kepada teori berbanding amali, ini menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan aspek pembelajaran dan penghayatan amalan Islam, di samping kefahaman ajaran Islam keseluruhannya.
- Pada peringkat pengajian tinggi pula, Pendidikan Islam di dapati ditawarkan oleh beberapa IPTA tertentu sahaja, seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Beberapa buah IPT swasta juga turut menawarkan Pendidikan Islam. Antaranya adalah Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) yang dulunya dikenali sebagai Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR). Secara keseluruhannya, Pendidikan Islam yang ditawarkan di IPT masih dianggap sebagai satu mata pelajaran semata-mata dan terpisah dengan ilmu sains dan kemasyarakatan.
- Bagi universiti yang menawarkan pengkhususan Pengajian Islam pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah sahaja seperti di UM, UKM dan UIAM, terdapat usaha-usaha memperluas skop kursus kepada kaitannya dengan ilmu kemasyarakatan dan keperluannya kepada masyarakat.

- Dari segi kurikulum, kita dapati kurikulum Pendidikan Islam masa kini masih lagi memberi penumpuan kepada penyampaian ilmu semata-mata dan kurang memfokuskan pembinaan potensi insan untuk mengamalkan dan menghayatinya dalam kehidupan seharian.

## BAB 6

### SOALAN OBJEKTIF

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** C | **2** A | **3** C | **4** B | **5** D |
| **6** C | **7** D | **8** B | **9** C | **10** D |
| **11** C | **12** D | | | |

### SOALAN STRUKTUR

**1** kesamarataan
**2** kebebasan menyuarakan pandangan, kebebasan untuk berbeza pendapat
**3** al-khilafah, imamah
**4** imarah
**5** syura, hisbah
**6** (a) Uthman bin 'A an
(b) Ali bin Abi Talib
(c) Talhah bin 'Ubaydillah
(d) Al-Zubayr bin al-'Awwam
(e) Abd al-Ramhan bin 'Awf
(f ) Saad bin Abi Waqqas (mana-mana empat)
**7** Meninjau pendapat orang lain tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan bersama.
**8**
- Khalifah 'Umar bin al-Khattab–tugasnya membuat pengawasan di pasar dengan meninjau keadaan tempat tersebut
- Khalifah 'Ali bin Abi Talib–tugasnya untuk mengawasi di samping memberi bimbingan di pasar di kota Kufah serta mengingatkan penjual agar mematuhi sukatan dan timbangan
- Khalifah al-Walid–tugasnya membuat rondaan di pasar-pasar (mana-mana satu)

**9** (a) Kota Baghdad
(b) Kota Kufah
**10** (a) Penyelia pasar
(b) Petugas di pasar
(c) Penguat kuasa

### SOALAN ESEI

**Soalan 1**

- Pemerintahan dan kepimpinan Rasulullah SAW dan khulafa' al-Rasyidin adalah didasarkan kepada prinsip keadilan, kesamarataan, kebebasan dan ketelusan.
- Prinsip keadilan telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Misalnya, Baginda mengarahkan pencuri Muslim supaya dipotong tangan. Hukuman ini dirasakan berat oleh para sahabat. Namun, Rasulullah SAW bersabda bahawa: "Kalau Fatimah sekalipun yang mencuri, tangannya akan dipotong". Satu lagi kisah yang menunjukkan Baginda melaksanakan prinsip keadilan dalam pemerintahan dan kepimpinan ialah apabila seorang wanita daripada suku Makhzum ditangkap kerana mencuri dan dibawa ke hadapan Baginda. Sahabat Baginda meminta supaya wanita itu dibebaskan kerana kedudukannya yang terhormat dalam masyarakat. Namun, Rasulullah SAW mengarahkan supaya dipotong juga tangannya kerana hukuman itu tidak mengira pangkat dan kedudukan seseorang.
- Pada masa pemerintahan khulafa' al-Rasyidin pula, Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a. telah meneruskan tradisi yang menjadi amalan Rasulullah SAW untuk menegakkan keadilan. Ini boleh dilihat menerusi tindakan beliau terhadap permintaan suku-suku Arab yang berkumpul berhampiran Madinah dan beberapa suku lain yang meminta agar mereka semua diberi pengecualian daripada membayar zakat kepada Madinah. Jika tidak diberi pengecualian tersebut, mereka tidak akan tunduk kepada kekuasaan Madinah. Abu Bakar al-Siddiq r.a. yang pada waktu itu baru sahaja memegang tampuk pemerintahan sebagai khalifah, dinasihati oleh sesetengah sahabat agar memenuhi tuntutan pihak terbabit. Namun demi keadilan, yang dilihat sebagai salah satu tanggungjawab paling utama bagi seorang khalifah, maka Abu Bakar al-Siddiq r.a. telah menolak permintaan tersebut dengan tegas. Tambahan pula zakat adalah satu kewajipan bagi orang Islam. Jika orang Islam lain perlu membayarnya dan masih terus membayarnya, kenapa pula suku Arab tersebut perlu diberi pengecualian.
- Prinsip kesamarataan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW pada zamannya pula boleh dilihat menerusi kesediaan Baginda melantik Zaid bin Harithah sebagai Na'ib (Timbalan). Inilah bukti kukuh tentang pelaksanaan prinsip kesamarataan dalam pemerintahan

dan kepemimpinan. Zaid adalah mawla (bekas hamba) Baginda.

- Sepertimana Rasulullah SAW, Khulafa' al-Rasyidin juga didapati mengamalkan prinsip yang sama. Tindakan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. yang tidak memilih bulu dalam menghukum orang yang melakukan kesalahan boleh menjelaskan perkara ini.
- Prinsip berikutnya ialah kebebasan. Rasulullah SAW pernah mengaplikasikan kebebasan dalam menyuarakan pandangan. Ini boleh dilihat menerusi sistem syura yang membuka ruang yang luas kepada sahabat untuk menyatakan pandangan mereka dengan bebas. Pandangan yang mendapat sokongan majoriti akan diterima sebagai satu keputusan.
- Khulafa' al-Rasyidin juga mengamalkan prinsip yang sama. Misalnya, pada zaman pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab r.a., beliau telah memberi kebebasan kepada penduduk Syria dengan mengekalkan sistem cukai pada zaman Byzantium yang dikenakan kepada penduduk bukan Islam yang tinggal di Syria (yang sudah ditakluki oleh Islam pada waktu itu).
- Satu lagi prinsip yang menjadi amalan Rasulullah SAW dan khulafa' al-Rasyidin dalam pemerintahan dan kepemimpinan ialah ketelusan. Ini terbukti menerusi pengagihan tugas untuk mentadbir negara.
- Khulafa' al-Rasyidin juga didapati mengamalkan prinsip yang sama. Apa yang dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. menerusi al-diwan adalah satu bukti bahawa wujud ketelusan dalam pemerintahan dan kepemimpinan beliau.

**Soalan 2**

- Khilafah dan imarah sangat berbeza. Namun, khalifah dan imamah tidak banyak bezanya. Malah khalifah boleh diertikan sebagai imamah. Ia bermaksud kepimpinan menyeluruh dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan keagamaan dan keduniaan.
- Perbezaannya terletak kepada gelaran bagi orang yang menjalankan fungsi khilafah dan fungsi imamah. Orang yang bertanggungjawab menjalankan fungsi khilafah dinamakan sebagai khalifah. Manakala orang yang bertanggungjawab menjalankan fungsi imamah disebut sebagai al-imam.
- Kesemua mereka ialah pengganti Rasulullah SAW. Antara individu yang pernah memegang jawatan ini adalah Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a, Khalifah Umar bin al-Khattab r.a, Khalifah Uthman bin 'A an r.a, Khalifah Ali bin Abi Talib k.w, Khalifah Mu'awiyah bin Abi Sufyan, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan Khalifah Harun al-Rashid.
- Imarah pula merujuk kepada kerajaan kecil yang diperintah oleh seorang pemimpin. Contohnya, imarah 'Uthman yang diketuai oleh 'Uthman Gazi. Ia muncul pada abad ke-14 Masihi ekoran daripada suasana kekacauan yang menimpa Anatolia selepas kejatuhan puak Saljuk. Ia terletak di barat laut Anatolia.

**Soalan 3**

- Syura dan hisbah adalah dua institusi yang berbeza.
- Syura berasal daripada perkataan Arab yang memberi maksud meminta pendapat dan bersefahaman dalam perundingan. Syura yang dikaitkan dengan pentadbiran Islam membawa maksud meminjam pendapat orang lain tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan bersama.
- Dalam pentadbiran Islam, syura telah pun diamalkan sejak zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan diteruskan pada zaman Khulafa' al-Rashidin. Pada zaman pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq r.a, syura dijalankan secara terbuka. Ini bermakna, tiada satu badan atau majlis khas yang ditubuhkan untuk melakukan syura.
- Sementara itu, hisbah pula merujuk kepada satu bentuk jentera pengawasan. Ia merupakan institusi khusus yang bertanggungjawab untuk menggalakkan manusia supaya melakukan kebaikan, dan pada masa yang sama turut menghindari kejahatan. Individu yang bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas pengawasan ini digelar sebagai al-muhtasib, iaitu pelaksana atau penguat kuasa.

**Soalan 4**

- Amalan syura adalah berbeza dengan demokrasi.
- Syura lebih kepada meminta pandangan daripada orang lain tentang perkara-perkara

yang ada kaitan dengan kepentingan bersama.
- Syura dilaksanakan dalam pentadbiran Islam.
- Syura mempunyai anggota yang terdiri daripada orang-orang yang rapat dengan Nabi Muhammad SAW. Ini bermakna pandangan yang diperoleh menerusi syura dalam pentadbiran Islam ialah pandangan yang dikemukakan oleh orang yang mempunyai kefahaman yang mendalam tentang Islam itu sendiri.
- Demokrasi juga ada unsur syura apabila dipandang dari sudut mendapatkan pandangan dari pihak lain.
- Demokrasi tidak dilaksanakan dalam pentadbiran Islam.
- Pandangan yang diperoleh menerusi proses demokrasi boleh datang daripada sesiapa sahaja.

**Soalan 5**
- al-Muhtasib mempunyai tugasnya yang tersendiri.
- Antara tugasnya adalah menyelia dan mengawas perniagaan di pasar, mengawasi dan menyelia kedudukan timbangan serta sukatan dalam urus niaga, memberi bimbingan kepada peniaga di pasar, mengingatkan penjual agar mematuhi sukatan dan timbangan
- Individu yang pernah diberi tugas sebagai al-muhtasib ialah Sa'id bin al-'As bin Umaiyah, khalifah 'Umar bin al-Khattab, khalifah 'Ali bin Abi Talib, khalifah al-Walid bin 'Abd al-Malik, Abu Zakariya Yahya bin 'Abd Allah, 'Asim bin Sulayman al-Awal

## BAB 7

### SOALAN OBJEKTIF

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** D | **2** A | **3** C | **4** B | **5** A |
| **6** D | **7** D | **8** D | **9** B | **10** D |
| **11** C | **12** D | | | |

### SOALAN STRUKTUR

**1** rohani
**2** *maslahat*
**3** al-Quran, Hadis Qudsi dan al-Sunnah
**4** *kalam*
**5** mukjizat
**6** Hadis
**7** Sunnah
**8** *qati'i*
**9** nas, syarie, *'illat*
**10** keadilan, kezaliman
**11** (a) Allah tidak membebankan manusia lebih daripada kemampuannya.
(b) Allah sentiasa meringankan tanggungan manusia.
(c) Segala perbuatan yang bukan ibadat asal hukumnya adalah harus atau mubah, melainkan sekiranya terdapat larangan syarak.
(d) Perundangan Islam berdiri di atas dasar pengimbangan di antara kepentingan individu dan masyarakat.
(e) Perundangan Islam menggabungkan prinsip pembalasan dan penakutan dalam undang-undang jinayahnya. Pembalasan dilihat daripada aspek pencerobohan hak dan penakutan dari aspek mengelakkan orang lain daripada melakukan kesalahan yang serupa.
**12** (a) Hakim
(b) Hukuman
(c) *Al-Mahkum bih* (undang-undang)
(d) *Al-Mahkum fih* (pertikaian atau persengketaan)
(e) *Al-Mahkum lah* (pihak yang menang)
(f ) *Al-Mahkum lah Al-Mahkum 'alaih* (pihak yang kalah)
(g) *Kaifiyyah al-Qadha'* (Proses kehakiman)
**13** (a) Masalah asal yang ada hukumnya melalui nas (*al-asal*)
(b) hukum yang ditetapkan oleh nas (*al-hukum*)
(c) sebab yang sama (*'illat*)
(d) masalah baharu yang belum ada nas (*al-far'*)

### SOALAN ESEI

**Soalan 1**
- Hukum-hakam dalam syariat Islam memperlihatkan objektif menjaga dan memelihara kepentingan manusia sama ada dengan menghasilkan kebaikan atau mengelakkan mudarat daripada mereka amat jelas sekali.
- Dalam kewajipan amali melaksanakan ibadat terkandung konsep manusiawi yang terangkum dalam hukum r*ukhsah* dan *azimah*. Jamak dan qasar dalam sembahyang fardu diharuskan

apabila seseorang berdepan dengan kesukaran menunaikannya secara sempurna seperti dalam musafir, berbuka puasa dan membayar fidyah bagi yang tidak mampu berpuasa juga diharuskan.
- Semua ini bertujuan mengelakkan kesulitan menimpa manusia dalam melaksanakan perintah dan larangan dalam perundangan Islam.
- Kesamarataan dalam kewajipan ibadat juga satu paparan unsur manusiawi yang amat tinggi nilainya.
- Ulama fiqh menetapkan tidak perlu membebaskan hamba yang diperlukan dalam urusan asasi kehidupan untuk menunaikan kafarah, malah orang itu boleh terus menunaikan kafarah dalam bentuk berpuasa dua bulan berturut-turut. Ini melambangkan elemen manusiawi yang tinggi dalam hukum-hakam syariat Islam tanpa menyukarkan atau menyempitkan kehidupan manusia.
- Aspek manusiawi yang bertujuan kebaikan bagi manusia unsur manusiawi juga dapat dilihat dalam bidang muamalat dan munakahat.
- Konsep manusiawi dalam objektif undang-undang jenayah Islam dapat dilihat dengan jelas dari segi perlaksanaannya. Kadang-kadang objektif ini disebut secara nyata seperti mana yang disebut dalam ayat yang mewajibkan qisas' iaitu untuk memelihara keamanan masyarakat dan kadang-kadang tidak disebut.
- Unsur manusiawi ini lebih jelas dilihat melalui beberapa tindakan oleh pemerintah Islam yang melaksanakan sepenuhnya syariat Islam.
- Konsep manusiawi juga terdapat dalam semua larangan dalam perundangan Islam.
- Semua larangan itu adalah dikenakan pada perkara-perkara yang pasti mendatangkan mudarat kepada manusia.

**Soalan 2**
- Qiyas merupakan salah satu elemen penting di dalam ijtihad. Dari qiyas, ilmu fiqh yang sederhana menjadi sangat komprehensif. Melalui qiyas, dapat diketahui titik persamaan hukum antara satu perkara dengan perkara lain.
- Dari segi bahasa, qiyas bermaksud ukuran, mengetahui ukuran sesuatu, membanding atau menyamakan sesuatu dengan yang lain atau diistilahkan juga sebagai analogi.
- Dari segi istilah, terminologi qiyas mempunyai beberapa definisi yang dikemukakan para ulama usul fiqh, sekalipun istilahnya berbeza tetapi mengandungi maksud yang sama.
- Secara lebih mudah, Qiyas ialah menetapkan hukum sesuatu masalah baharu yang tiada nas jelas daripada suatu masalah yang telah ada nas syarie kerana persamaan kedua-duanya dari segi *'illat*.
- Para ulama usul fiqh bersepakat menyatakan bahawa proses penetapan hukum melalui kaedah qiyas bukanlah menetapkan hukum dari awal, sebaliknya hanya menyingkap dan menjelaskan hukum yang ada pada sesuatu masalah yang belum jelas hukumnya.
- Penyingkapan dan penjelasan ini dilakukan melalui perbahasan mendalam dan teliti terhadap *illat* dari suatu masalah yang sedang dihadapi. Apabila *'illatnya* sama dengan *'illat* hukum yang disebutkan dalam nas, maka hukum terhadap masalah yang dihadapi itu diambil daripada hukum yang telah ditentukan nas tersebut.

**Soalan 3**
- Dari segi makna, al-Sunnah atau al-hadis terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu *Sunnah Qauliyyah* (sunnah perkataan), *Sunnah Fi'liyyah* (sunnah perbuatan) dan *Sunnah Takririyyah* (sunnah persetujuan).
- *Sunnah Qauliyyah* (sunnah bentuk perkataan) ialah segala perkataan atau ucapan Nabi Muhammad SAW yang ada hubungannya dengan pembinaan hukum Islam.
- *Sunnah Fi'liyyah* (sunnah perbuatan) merujuk kepada segala perbuatan Nabi Muhammad SAW yang diberitakan oleh para sahabatnya sama ada mengenai persoalan ibadat atau kehidupan seharian Baginda. Misalnya sunnah atau hadis yang membicarakan tentang bagaimana Rasulullah SAW melaksanakan ibadat sembahyang, puasa, haji, makan, minum dan sebagainya.
- *Sunnah Takririyah* (sunnah persetujuan) pula merujuk kepada persetujuan atau ketetapan Baginda SAW dalam bentuk lisan atau diam terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh para sahabat di hadapannya, tanpa melarang, memprotes atau menghalang terhadap apa yang dilakukan atau yang diperkatakan oleh sahabat

di hadapan Baginda SAW.
- Dari segi periwayatannya, al-Sunnah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu *Mutawatir* dan *Ahad*, (*khabar mutawatir* dan *khabar ahad*).
- *Sunnah Mutawatirah* atau *khabar mutawatir* ialah setiap yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW oleh suatu kelompok atau generasi (*tabaqat)* manusia yang ramai yang menurut kebiasaan tidak mungkin kelompok yang ramai tersebut bersepakat melakukan dusta, kerana ramai dan kejujuran mereka.
- Para ahli hadis bersepakat bahawa hadis mutawatir atau khabar mutawatir mendatangkan keyakinan dan wajib beramal dengan hukumnya. Kedudukannya adalah sama dengan al-Quran.
- *Sunnah Ahad* atau *khabar ahad* ialah khabar yang tidak mencapai darjat mutawatir. Perkataan ahad adalah bentuk *plural* (mufrad) dari kata wahid yang bermaksud satu.
- Dari segi sandaran, al-Sunnah dibahagikan kepada tiga jenis berdasarkan golongan mana sesebuah hadis itu disandarkan. Tiga jenis yang dimaksudkan itu ialah *marfu'*, *mawquf* dan *maqtu'*.

**Soalan 4**
- Hak serta kepentingan perlu dipertahankan sama ada pada peringkat individu dan masyarakat.
- Hak serta kepentingan individu perlu diselaraskan dengan hak serta kepentingan masyarakat. Percanggahan hak serta kepentingan antara individu dengan masyarakat perlu diselesaikan.
- Institusi kehakiman berperanan menyelesaikan perbalahan dan memutuskan pertikaian yang berlaku di kalangan individu dan masyarakat. Tanpa institusi kehakiman, kezaliman akan berterusan.
- Sistem kehakiman dalam perundangan Islam telah dibincangkan secara panjang lebar oleh para ulama di dalam suatu bidang yang dikenali sebagai *al-Qadha*'.
- Jawatan kehakiman merupakan satu jawatan yang mulia, penting dan kritikal. Ia hendaklah diberikan kepada orang yang benar-benar layak melaksanakannya. Ia bukan satu jawatan yang biasa dipohon, sebaliknya merupakan satu jawatan yang dipilih dan dilantik oleh ketua negara.
- Kehakiman berlangsung sama ada secara rasmi dalam sebuah mahkamah atau di dalam sesebuah majlis apabila berlaku pertikaian tentang sesuatu.
- Kehakiman tidak dapat ditegakkan dan tidak mencapai matlamat jika tidak memenuhi rukun yang merupakan sebahagian daripada kehakiman itu sendiri.
- Secara umum, bidang kuasa seseorang hakim yang dilantik meliputi 10 perkara penting
- Bagi membuktikan keadilan, proses kehakiman mengguna pakai beberapa bentuk pembuktian yang dibincangkan secara terperinci dalam undang-undang keterangan yang melibatkan beberapa bentuk kesaksian seperti syahadah, sumpah, qarinah dan sebagainya.

**Soalan 5**
- Istilah mazhab dari sudut bahasa bererti 'jalan' atau *'the way of'*. Mazhab secara mudah boleh diertikan sebagai tempat pergi.
- Dalam pengertian umum, mazhab bermakna pendapat, fatwa, cara pengambilan hukum dan yang seumpamanya. Bermazhab pula bermakna mengikut al-Quran dan sunnah berdasarkan kefahaman seorang ulama muktabar.
- Dalam Islam, istilah mazhab secara umumnya digunakan untuk menggambarkan perbezaan aliran pandangan daripada dua aspek, iaitu akidah dan fiqh.
- Mazhab akidah ialah apa yang bersangkut-paut dengan soal keimanan, tauhid, qadar dan qadak, hal ghaib, kerasulan dan sebagainya. Antara mazhab akidah dalam Islam adalah Mazhab Syiah, Mazhab Khawarij, Mazhab Muktazilah dan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Setiap daripada kumpulan mazhab akidah ini mempunyai mazhab-mazhab fiqhnya yang tersendiri.
- Mazhab fiqh pula merujuk kepada persoalan yang berkaitan dengan soal hukum-hakam, halal–haram dan sebagainya. Antara mazhab fiqh bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah adalah Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab al-Syafie dan Mazhab Hanbali.
- Secara umum, perbezaan antara mazhab berlaku atas faktor kemanusiaan (perbezaan dalam memahami dan mentafsirkan nas) dan faktor sejarah (periwayatan hadis yang tidak sampai kepada mujtahid).
- Setiap imam mazhab berpegang kepada al-Quran

dan al-Sunnah dalam aliran pemikiran yang mereka bawa. Mereka juga tidak mengeluarkan apa-apa pendapat melainkan merujuk kepada kepada dua sumber mulia tersebut.
- Hanya apabila timbul sesuatu persoalan yang tidak dibahaskan secara terperinci oleh kedua-dua sumber tersebut, mereka mengeluarkan pendapat berdasarkan kaedah Qiyas, Ijmak dan sebagainya. Semua kaedah ini dirumuskan berdasarkan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah juga.

## BAB 8

### SOALAN OBJEKTIF

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** B | **2** A | **3** C | **4** B | **5** C |
| **6** A | **7** C | **8** D | **9** A | **10** C |

### SOALAN STRUKTUR

**1** iqtisad, qasad, sasaran, membazir
**2** individualistik, individualistik, kemahuan, kemampuan
**3** diperdagangkan, salam, salam, dicapai
**4** mekanisme, positif, kapasiti, makro
**5** muhtasib, positif, konstruktif, perancang
**6** pulangan, pekerja, pulangan,penjimatan
**7** salam, salam, wujud, diserahkan
**8** perkhidmatan, keuntungan, riba, konvensional
**9** jaminan, dilangsaikan, diserahkan, bersyarat
**10** perkhidmatan, dilantik, pencatat, saksi/bukti

### SOALAN ESEI

**Soalan 1**
- Antara prinsip umum ekonomi Islam ialah takaful, berkait dengan keadilan dan kebajikan sosial dan tadamun jaminan keselamatan dan kesejahteraan sosial.
- Tiada unsur *ghash*, tidak wujud unsur penipuan atau kekaburan yang boleh mengelirukan para pengguna.
- Menjamin kedaulatan negara, negara tidak boleh dipercaturkan kerana kepentingan ekonomi.
- Menekan kepenggunaan yang berhemah, pengguna perlu bijak dalam berbelanja dan merancang sosial ekonomi.
- Objektif (iqtisad) dalam perancangan dan pengurusan, menepati sasaran ekonomi sebenar, bukan meneka kepentingan segelintir.
- Martabat agama dipelihara, agama tidak boleh dipermainkan dalam menjana ekonomi negara.
- Menjaga keseimbangan dalam semua sektor untuk memenuhi keperluan negara dan rakyat.
- Menekankan kemahiran pekerja dan penggunaan teknologi yang cekap untuk produktiviti dan mengelak pembaziran.
- Menekankan manfaat produk mengikut pentakrifan Islam yang jelas. Tidak semua produk barangan dan perkhidmatan dianggap manfaat pada sisi Islam walaupun ia bermanfaat pada pandangan umum.
- Mewajibkan konsep produk yang boleh dicapai atau dihasilkan. Produk dalam ekonomi Islam sama dalam bentuk perkhidmatan atau barangan perlu dikenal pasti dapat dicapai dalam jangka masa tertentu dan dalam keupayaan mendapatkannya. Sebarang bentuk produk yang tidak anggap dicapai dalam Islam tidak boleh diperdagangkan dalam Islam.
- Menekankan keutamaan ibadat yang tidak boleh diketepikan dalam kegiatan sosio dan makro ekonomi. Semua perkara yang di luar batas ritual atau ibadah sebenar juga dianggap sebagai ibadah umum apabila dilakukan dengan jujur dan menepati syariat Islam.
- Menekankan imarah, kemakmuran, dan peningkatan taraf hidup mengikut keperluan masa dan tempat.
- Akhlak yang mencakupi tindak-tanduk fikiran, peri laku dan perkataan perlu dikembangkan dalam kegiatan ekonomi Islam untuk menambahkan keceriaan dan mengurangkan tekanan hidup.
- Prioriti atau keutamaan menjadi prinsip umum penting ekonomi Islam.

**Soalan 2**
- Dalam ekonomi Islam, masyarakat dianggap menjadi mekanisme penting. Setiap anggota masyarakat dengan pelbagai latar belakang dan kedudukan tahap sosial dianggap perlu memberikan sumbangan positif mengikut kapasiti yang berbeza.
- Setiap anggota masyarakat dianggap sebagai salah satu bahagian mekanisme ekonomi makro Islam. Oleh itu, Nabi Muhammad SAW menggesa setiap umatnya bekerja, tidak berpeluk tubuh walaupun dengan mencari kayu api dan menjualnya.
- Sektor korporat atau ahli perniagaan juga

menjadi sebahagian penting mekanisme ekonomi Islam. Oleh itu, Islam sejak awal lagi mengaitkan perniagaan yang jujur dengan syufaat yang besar sehingga menyamai orang yang mati syahid.
- Buruh tidak dipandang rendah oleh Islam. Sebaliknya, Islam menekankan kebajikan diberikan terhadap buruh supaya kitaran ekonomi berjalan lancar.
- Kerajaan juga merupakan bahagian penting mekanisme ekonomi Islam. Dalam ekonomi Islam, kerajaan berperanan bertindak sebagai muhtasib atau pemerhati dan pemberi respons positik dan konstruktif terhadap semua sektor ekonomi.
- Perbankan boleh dilihat sebagai mekanisme ekonomi makro Islam. Ia tidak boleh dilihat terpisah daripada memberi sumbangan positif terhadap ekonomi negara. Ia perantaraan yang penting pengaliran atau perpindahan wang pantas dalam pelbagai sektor ekonomi.
- Sistem ekonomi juga merupakan mekanisme yang tidak nampak terhadap ekonomi Islam. Sistem ekonomi Islam bersifat tersendiri dan berbeza dengan kapitalisme dan sosialisme. Ia tidak terlalu berpihak kepada golongan kapitalis atau pemodal dan tidak menindas rakyat.
- Gaya hidup juga merupakan mekanisme ekonomi Islam yang tidak nampak. Gaya hidup yang terlalu bermewah boleh menjadikan negara bankrap negara kerana apabila rakyat lebih suka memberi barangan import ia boleh membocorkan kantung ekonomi negara.

**Soalan 3**
- Pengurusan kewangan Islam perlu mengelak daripada inflasi dan deflasi dengan melakukan beberapa langkah penting. Antara langkah ialah menjadikan sektor pertanian sebagai pengimbang nilai mata wang. Ini dapat dijayakan apabila sektor pertanian dalam negara menjadi kukuh, dapat memenuhi keperluan pemakanan rakyat di samping mengimportnya.
- Mengawal sektor spekulasi supaya tidak menjejaskan ekonomi dan seterusnya menyebabkan ekonomi buih berlaku. Seandainya pengawalan ini, tidak dilakukan inflasi akan berlaku, dengan kata lain kuasa membeli barang dan perkhidmatan meningkat disebabkan setiap mekanisme ekonomi lebih suka mengadakan spekulasi daripada melalukan pelaburan ekonomi sebenar.
- Kegiatan ekonomi sebenar, iaitu bukan spekulasi perlu ditekankan agar produk sebenar ekonomi wujud. Ekonomi atas angin tidak wajar wujud dalam ekonomi Islam kerana ia akan memperkayakan orang yang kaya dan melipatgandakan kemiskinan orang miskin.
- Tidak menggantungkan wang kepada nilai mata wang tertentu seperti mata wang AS. dan EURO. Sebaliknya, mata wang ekonomi Islam disandarkan pada nilai mata wang tersendiri, iaitu dinar dan dirham
- Bersikap berhati-hati memperdagangkan mata wang di pasaran di dunia supaya ia tidak sengaja dispekulasikan oleh pemodal asing dengan menginflasikannya secara mendadak untuk suatu ketika kemudian dijatuhkan secara mendadak. Ia boleh mengejutkan kewangan negara.
- Menyimpan rizab kewangan asing di samping mengurangkan simpanan mata wang tempatan, ringgit di luar rantau ekonomi Islam. Ia boleh mengelakkan simpanan tersebut daripada dibekukan melalui percaturan ekonomi dan politik antarabangsa.

**Soalan 4**
- Pengangguran tidak wujud dalam ekonomi Islam kerana semua sektor melakukan tuntutan individu dan sosialnya. Islam menyarankan penghapusan pengangguran melalui beberapa tindakan penting
- Pertama, meningkatkan taraf dan kualiti pengurusan melalui teknologi dan kemahiran pengurusan.
- Penjenamaan semua produk perkhidmatan dan barangan. Suatu produk perkhidmatan dan barangan akan dianggap sebagai hasil profesional apabila mempunyai piawaian atau sistem pengurusan tertentu supaya ia memberi kepuasan kepada pelanggan.
- Pihak swasta perlu mempunyai kesedaran untuk membantu kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan. Dalam Islam ia dianggap satu kewajipan sosial.
- Semua sektor ekonomi digerakkan sepenuhnya secara efisyen supaya peluang pekerjaan wujud. Penggunaan alat robotik atau sebarang bentuk teknologi tidak boleh dijadikan alasan untuk menurunkan penggunaan tenaga manusia.
- Mengawal sistem ekonomi yang tempang

yang berpusat pada penghasilan pulangan semata-mata. Tren ekonomi semasa terlalu menekankan penghasilan pulangan semata-mata dan ini boleh mengetepikan pengambilan pekerja lantaran mengutamakan pulangan dan penjimatan kos menyara pekerja.
- Kos sara hidup dan bayaran perkhidmatan terhadap segala bentuk kemudahan dan infrastruktur perlu dipantau oleh kerajaan supaya ia tidak dieksploitasi secara berlebihan oleh pihak tertentu.
- Institusi sosial seperti pengangkutan, kesihatan dan pendidikan perlu dipantau dan dikawal agar tidak mengambil untung yang berlebihan sehingga menjejaskan kualiti kehidupan rakyat khususnya siswa dan siswi yang menganggur.
- Semua aspek modal insan perlu ditanam dalam diri pelajar.

**Soalan 5**
- Institusi pembangunan ekonomi Islam perlu dipelbagaikan fungsi dan peranannya supaya mencakupi semua aspek pembangunan ekonomi dan memberikan pulangan yang menarik.
- Peranan institusi pembangunan ekonomi Islam wajar mencakupi pelbagai aspek. Antara aspek ini ialah penyelidikan dan pembangunan seperti yang dilakukan oleh MARDI, FAMA dan lain-lain.
- Bertindak sebagai dana kebajikan sosial seperti yang dipertanggungjawabkan kepada baitul mal.
- Mengembangkan sosioekonomi Islam seperti yang diamanatkan kepada YAPEIM.
- Membekalkan kemudahan pinjaman dan pembiayaan secara Islam seperti yang dilakukan oleh Bank Islam, Bank Rakyat dan Bank Muamalah.
- Membuat pelaburan di dalam negara atau di negara Islam untuk membentuk ekonomi Islam.
- Bertindak sebagai penabungan untuk melengkapkan Rukun Islam terutama ibadat haji seperti yang dilakukan Tabung Haji.
- Melabur dalam sektor pendidikan Islam sama ada pada peringkat prasekolah atau persekolahan sebagai menyahut usaha kerajaan mempertingkatkan modal insan rakyat.
- Bertindak mengawal hartanah umat Islam supaya tidak disalahgunakan.
- Menjanakan harta wakaf dalam negara supaya lebih produktif kepada umat Islam.
- Menyediakan pelbagai latihan dan kemahiran kepada generasi muda Islam.

**Soalan 6**
- Riba dan caj perkhidmatan berkait dengan pengambilan keuntungan hadapan terhadap semua produk perbankan sama ada pinjaman, pembiayaan atau gadaian.
- Apa yang membezakan kedua-duanya ialah pertama, akad dan persetujuan, kedua, ketelusan dan ketiga, bebanan pembayaran balik.
- Tiada akad dan persetujuan kedua-dua belah pihak boleh dikaitkan *riba nasa'i*. Tiada ketelusan dalam dokumen juga boleh dikaitkan dengan *riba nasa'i*. Bebanan pembayaran balik melebih harga barang pembiayaan pada masa hadapan boleh dianggap *riba fadl* (lebihan).
- Jumlah pembayaran balik terkumpul atau kumulatif pada ansuran yang terakhir yang melebihi jumlah pinjaman termasuk susut nilai mata wang di samping caj perkhidmatan juga dianggap sebagai *riba fadl*.
- Sebaliknya, apabila akad dan persetujuan kedua-dua pihak di samping ketelusan dokumen *riba nasa'i* tidak wujud dalam transaksi tersebut. Begitu juga apabila bebanan pembayaran balik tidak melebihi pinjaman yang terkumpul atau kumulatif pada ansuran yang terakhir termasuk susut nilai mata wang sepanjang tempoh ansuran dan caj perkhidmatan yang berpatutan, riba tidak wujud.
- Apa yang wujud ialah bayaran perkhidmatan. Perbincangan ini berasaskan kaedah pembayaran balik pinjaman mata wang dalam bentuk emas atau perak yang tidak susut nilai.
- Kedua ia disandarkan kepada perintah Allah Taala yang memerintah dua orang atau pihak yang melakukan gadaian atau penjualan supaya dilantik penulis atau pencatat butiran perjanjian sebagai saksi.
- Jual salam, iaitu dengan penyerahan produk akan datang merupakan sandaran penting kepada beberapa transaksi perbankan Islam semasa seperti pembiayaan rumah dan kereta.

**Soalan 7**
- Tiga perkara yang boleh dikaitkan dengan riba dalam Islam apabila tidak memenuhi syarat transaksi yang tertentu iaitu emas, perak (emas dan perak) dan makanan yang mengenyangkan.
- Mata wang kertas dan syiling semasa dikiaskan kepada emas dan perak kerana wang pada

masa dahulu terdiri daripada emas dan perak. Pertukaran antara ketiga-tiga barang tersebut boleh menyebabkan riba berlaku apabila salah satu melebihi yang lain tetapi ini hanya melibatkan pertukaran barang jenis yang sama seperti antara emas dengan emas, perak dengan perak dan beras dengan beras.

- Caj perkhidmatan tidak dimasukkan dalam pengiraan bayaran balik kumulatif tersebut. Ia perlu dikira secara berasingan sebagai urusan peminjaman dan sebagainya.
- Apabila salah satu daripada dua barang pertukaran yang tidak sejenis seperti dalam sistem barter ditukarkan melebihi yang lain dari sudut kuantiti, sukatan dan sebagainya, ia tidak dinamakan riba.

**Soalan 8**

- Pembiayaan secara Islam semasa tidak boleh dikaitkan dengan salah satu atau dua jenis riba, *nasa'i* dan *fadl* disebabkan ia melalui proses akad jual beli dan persetujuan antara kedua-dua belah pihak.
- Pelanggan diberitahu dan diarah supaya meneliti semua dokumen serta diarah menandatangani setiap helai dokumen yang dibacanya sebagai tanda faham tentang perincian dan persetujuan terhadap butiran tersebut.
- Akad jual beli tersebut dilihat pada harga akan datang produk bagi aset yang tidak susut nilai seperti rumah dan tanah. Bagi aset yang susut nilai seperti kereta dan motosikal, harga hadapan dilihat pada kos kerugian yang ditanggung oleh pihak bank yang melakukan pembiayaan.
- Kos kerugian ini hasil daripada susut nilai yang disebabkan peminjam telah mengguna kenderaan tersebut. Sebaliknya, apabila ketelusan tidak wujud dalam dokumen dan akad serta persetujuan tidak dilakukan, transaksi tersebut melibatkan *riba nasa'i* yang bertujuan memudaratkan pelanggan.
- Bagi aset yang tidak susut nilai apabila bebanan bayaran balik kumulatif melebihi harga pasaran hadapan termasuk susut nilai mata wang dan caj perkhidmatan, ia dinamakan *riba fadl.*
- Bagi aset susut nilai, apabila bayaran balik kumulatif melebihi kerugian susut nilai aset tersebut yang ditanggung oleh pihak bank, melebihi susut nilai mata wang yang dipinjam dan melebihi bayaran khidmat yang berpatutan, ia juga dinamakan *riba fadl.*

**Soalan 9**

- Antara kriteria penentuan terhadap produk perbankan Islam adalah ia ditakrifkan sebagai manfaat di sisi Islam seperti pembiayaan pembelian rumah, kenderaan dan sebagainya.
- Produk perbankan Islam tersebut memenuhi tuntutan takaful atau tanggungjawab sosial seperti melindungi keluarga Islam daripada kesempitan daripada insiden kemalangan.
- Ia memberikan *tadhamun* sosial, iaitu jaminan keselamatan sosial. Umpamanya pembiayaan untuk membeli senjata bagi membunuh seseorang diharamkan kerana ia memporak-peranda masyarakat.
- Unsur *ghash* yang bertujuan mengaut keuntungan mutlak tanpa mengambil kira kebajikan pelanggan.
- Produk perbankan tersebut boleh dicapai seperti pembiayaan rumah yang dipastikan pembinaannya. Rumah yang belum dipastikan pembinaan seperti tiada tapak pembinaan yang jelas tidak boleh ditransaksikan kerana ia mengandungi *gharar* atau *ghash.*
- Bagi produk pelaburan, ia perlu dilaburkan pada perkara yang dibenarkan oleh Islam.
- Bagi produk pelaburan ia perlu menekan *mudharabah*, iaitu keuntungan dan kerugian dinikmati dan ditanggung bersama mengikut saham pelaburan dan persetujuan kedua-dua belah pihak.

**Soalan 10**

- Gadaian dalam Islam disyaratkan bahawa pemegang gadaian tidak mengguna pakai barang yang digadaikan sama tujuan kegunaan peribadi atau bukan peribadi.
- Sebaliknya, barang gadaian itu perlu dianggap sebagai amanah untuk dijaga dan diserah apabila tiba masanya. Ia disimpan dan dijaga sebagai jaminan pembayaran balik oleh si peminjam.
- Apabila semua bayaran balik dilangsaikan dalam tempoh yang ditetapkan, barang gadaian tersebut perlu diserahkan kepada peminjam tanpa bersyarat. Apabila bayaran balik tidak dapat dilakukan dalam tempoh yang dijanjikan dalam akad si pemberi hutang berhak menjualnya dan mengambil bahagian wang yang dipinjamkan sahaja

- Manakala bakinya sekiranya ada diserahkan kembali kepada peminjam. Dalam konteks semasa, caj perkhidmatan terhadap gadaian tersebut dikenakan sesuai dengan ayat al-Quran memerintah dua orang atau pihak yang melakukan gadaian atau penjualan supaya dilantik penulis atau pencatat butiran perjanjian sebagai saksi. Kerja mencatat dan menyimpan catatan melibatkan kos pengurusan.

## BAB 9

### SOALAN OBJEKTIF

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** B | **2** C | **3** D | **4** C | **5** B |
| **6** B | **7** B | **8** C | **9** A | **10** B |

### SOALAN STRUKTUR

**1** tindak-tanduk, baik, universal, berbeza
**2** perilaku, berbeza, fikiran, kerohanian
**3** nilai-nilai, ilmuwan, penulisan, diwarisi
**4** al-Quran, Hadis, biografi, biografi
**5** benteng, kekuatan, terbatas, salah faham
**6** jati diri, lalang, kapal layar, membezakan
**7** wangian, mengimpal, wangian, mengimpal
**8** mengorek, mati kelemasan, kasta, kemusnahan
**9** tarbiah, ta'lim, ta'dib, tarbiah
**10** kain putih, mengislamkannya, mengkristiankannya, meyahudikannya

### SOALAN ESEI

**Soalan 1**

- Moral dan akhlak diasaskan pada paradigma nilai yang berbeza walaupun mempunyai satu persamaan pentingnya, iaitu keuniversalannya.
- Dari sudut definisi, moral merupakan satu himpunan tindak-tanduk individu yang ditakrifkan oleh masyarakat sebagai baik dan memberikan kesejahteraan kepada masyarakat.
- Ia merupakan satu himpunan nilai yang universal tetapi keuniversalannya mungkin dilihat berbeza-beza oleh dua masyarakat yang berbeza dari segi latar kebudayaan seperti antara masyarakat Islam dengan bukan Islam.
- Definisi moral terbatas pada persoalan perilaku dan berbeza dengan definisi akhlak yang diketengahkan oleh Islam.
- Akhlak lebih menyeluruh kerana ia mencakupi aspek-aspek perilaku, fikiran dan kerohanian manusia. Dari sudut sumber, moral bersumberkan nilai-nilai universal yang diketengahkan kepada masyarakat oleh para ilmuwan melalui pelbagai penulisan, dialog dan pandangan mereka. Ia juga boleh diwarisi secara turun-temurun dan mungkin juga mengalami perubahan dengan perubahan masa, cita rasa dan daya fikir.
- Sumber akhlak adalah konsisten kerana ia berlandaskan al-Quran, hadis dan biografi Nabi Muhammad SAW dan perkataan Baginda. Sumbernya juga mencakupi biografi para sahabat yang dianggap mulia oleh Baginda dan penulisan para ulama Islam yang muktabar.
- Sungguhpun mempunyai pelbagai sumber, hakikatnya pelbagai sumber ini hanya saling melengkapi untuk memberikan satu gambaran jelas tentang kesatuan dan keharmonian definisi akhlak di sisi Islam.

**Soalan 2**

- Antara faktor yang membawa kepada keruntuhan moral ialah kurang penghayatan agama dalam kalangan golongan remaja dan dewasa Melayu pada masa ini.
- Suasana kehidupan moden dalam rumah dan persekitaran menyisihkan penghayatan agama secara berterusan. Akibatnya, perilaku yang tidak terkawal dan terkeluar dari landasan Islam berlaku dengan mudah.
- Faktor kedua ialah kurangnya sifat malu dan hormat yang melambangkan nilai ketimuran atau Islam yang penting dan menjadi benteng terhadap segala penyakit sosial. Kehidupan moden telah menghakis atau mengesampingkan kedua-dua sifat tersebut lantaran individu sama ada remaja atau dewasa tidak diasuh dari kecil pada sifat malu dan hormat kepada golongan yang lebih tua.
- Ketiga ialah keperibadian yang lemah. Keperibadian dan ketahanan diri yang lemah juga menjadi faktor penyumbang kepada wabak gejala sosial. Golongan remaja atau dewasa Islam yang terlibat dengan gejala sosial tidak mempunyai jati diri atau keperibadian yang kuat.

**Soalan 3**

- Tarbiah adalah membela, menjaga dan mengawasi kanak-kanak sampai dewasa.
- Ta'lim atau tadris adalah memberi pendidikan.